

**Simpodium Kebudayaan Indonesia – Malaysia Ke – 11**

**Bandung, Indonesia**

**10 – 12 November 2009**

**Dr. Haliza Abdul Rahman**  
**Pusat Pengajian Sains Kesihatan**



# **PENCEMARAN ALAM SEKITAR, KESAN KESIHATAN DAN PERANAN MASYARAKAT DALAM MENANGANINYA**

Haliza Abdul Rahman  
Program Kesihatan Persekutaran & Pekerjaan  
Universiti Sains Malaysia Kampus Kesihatan,  
16150 Kubang Kerian, Kelantan, Malaysia.  
[haliza@kb.usm.my](mailto:haliza@kb.usm.my)

## **PENGENALAN**

Kesihatan persekitaran yang merangkumi pelbagai faktor, perkara dan keadaan alam sekitar sekeliling manusia mampu mempengaruhi kesihatan dan kesejahteraan manusia. Keadaan alam sekitar juga boleh mempengaruhi kerintangan manusia terhadap penyakit. Faktor-faktor alam sekitar tersebut termasuklah persekitaran tempat tinggal, geografi, cuaca dan musim, kesesakan, kebersihan dan kualiti serta gaya hidup sesuatu komuniti. Kerapkali timbul persoalan yang cuba mengaitkan pencemaran alam sekitar dengan kesejahteraan kesihatan, misalnya, adakah pendedahan kepada pencemaran/sinaran radioaktif pada aras tertentu boleh menyebabkan risiko berlakunya kanser, adakah pendedahan ibu hamil kepada racun perosak meninggikan risiko kecacatan semasa kelahiran atau adakah masyarakat yang tinggal berdekatan dengan stesen janakuasa elektrik yang tinggi voltannya mengalami sebarang kesan buruk terhadap kesihatan dalam jangka panjang? (Easterly 1981)

Dewasa ini, kesihatan alam sekitar semakin merosot akibat daripada pelbagai aktiviti manusia yang giat mengeksplotasi, mencemari dan memusnahkan alam sekitar. Kertas kerja ini dibentangkan di Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia, 10-12 November 2009, Universiti Padjajaran, Indonesia.